




# Istiadat Pemasyhuran **Tuanku Canselor UiTM**

Pada 19 Mac 2019 Istiadat Pemasyhuran Tuanku Canselor UiTM telah berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah dimasyhurkan sebagai Tuanku Canselor UiTM berlangsung dengan penuh tertib dan gilang-gemilang.


Istiadat Pemasyhuran telah disempurnakan oleh YB Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia. YB Menteri semasa membaca watikah pelantikan. Beliau memaklumkan bahawa Seksyen 19A (2) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) memperuntukkan bahawa Canselor ialah Yang di-Pertuan Agong. Berdasarkan kepada Peruntukan Seksyen 19A (1) akta berkenan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendaklah mempengerusikan konvokesyen universiti. Istiadat Konvokesyen UiTM ke-90 akan membuka tirai pada 23 Mac 2019 hari Sabtu ini di lokasi yang sama.



Baginda mencemar duli ke Istiadat Pemasyhuran sebagai Canselor Universiti Teknologi MARA pada hari yang amat bersejarah untuk seluruh warga UiTM khususnya. Di samping itu juga, dengan pemasyhuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri ini, pihak UiTM akan sentiasa percaya dengan kepimpinan dan kebijaksanaan Tuanku sebagai Canselor UiTM bagi menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan.



# Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-90 Mencipta Sejarah



**Sidang Pertama Istiadat Konvokesyen UiTM ke-90** yang berlangsung pada 23 Mac 2019 telah mencipta sejarah dimana dua Ketua Negara duduk di atas bagi meraikan Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor (Kepimpinan Islam) kepada Sultan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar' Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Penganugerahan telah dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), Shah Alam.

Penganugerahan ini adalah bagi mengiktiraf pencapaian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sepanjang lima dekad memerintah Negara Brunei dengan jayanya sehingga telah banyak mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang, seperti agama, politik, ekonomi, pendidikan dan kesihatan sekaligus menjadikan Negara Brunei Darussalam semakin dikenali dan dihormati di mata dunia.

Di bawah corak kepimpinan berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berjaya menanam nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan dan kehidupan sehari-hari rakyatnya. Selaku raja, kepala negara dan ketua kerajaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berjaya mencorak Brunei Darussalam selaku sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni.

Sebanyak 11 sidang telah diadakan dengan seramai 22594 graduan telah menerima anugerah masing-masing untuk di Kampus UITM Shah Alam. Antaranya ialah seramai 109 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 1059 graduan menerima Sarjana, 61 graduan menerima Diploma Lepasan Ijazah, 11505 graduan menerima Sarjana Muda, 110 graduan menerima Ijazah Profesional dan 9750 graduan menerima Diploma.



# Majlis Penghargaan dan Serahan Nota Tugas Naib Canselor

**13 Mac 2019** bertempat di Dewan Bestari Intekma Resort telah berlangsungnya Majlis Penghargaan untuk mantan naib canselor UiTM YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said dan juga serahan nota tugas ke YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim sebagai naib canselor yang baru.

Majlis ini turut dihadiri Pro Canselor-Pro Canselor, Pengurus dan Ahli Lembaga Pengurus Universiti serta pengurusan kanan universiti. Majlis ini diadakan bagi menghargai YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said yang telah bersama UiTM selama 3 tahun memegang dan memimpin tampuk UiTM dengan penuh dedikasi, setia, disiplin, komited dan jayanya sebagai Naib Canselor. Beliau sememangnya seorang pemimpin yang berkredibiliti dalam memajukan dan memperkasa agenda bangsa tanpa kenal erti putus asa.

Bagi meneruskan perjuangan UiTM, YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim Naib Canselor yang baru telah menerima nota serahan tugas bagi memastikan visi dan misi UiTM tercapai. Seluruh warga universiti amat berbesar hati dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan YBhg. Prof Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim sebagai Naib Canselor UiTM yang baru.



# Melonjak Profil Global UiTM

Sumbangan Berimpak Tinggi kepada Masyarakat

14 Mac 2019 di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM telah berlangsung Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2019. YBhg. Prof. Ir. Dr. Azraai Kassim telah membentangkan amanat tahun baharu 2019 yang akan menjadi panduan kepada semua warga UiTM untuk mencapai sasaran 2019 yang telah ditetapkan.

'Melonjak Profil Global UiTM: Sumbangan Berimpak Tinggi kepada Masyarakat' diangkat sebagai tema bagi Amanat Tahun Baharu 2019. Tema ini dipilih kerana UiTM merasakan sudah sampai masanya untuk semua warga, tidak kira dari golongan akademik maupun pentadbir, untuk sama-sama berganding bahu bagi mendekatkan lagi universiti dengan masyarakat. UiTM perlu memastikan bahawa apa jua yang kita lakukan haruslah dijalankan dengan meletakkan masyarakat sebagai salah satu faktor yang perlu dilitikberatkan.

Majlis telah dihadiri seramai 4000 warga UiTM dan turut dipancarkan secara langsung di kampus-kampus cawangan UiTM. Dalam amanat beliau, Naib Canselor telah meletakkan empat (4) tumpuan khusus dan sembilan (9) Inisiatif Kecemerlangan UiTM iaitu:



Sehubungan itu, warga UiTM perlu meningkatkan setiap usaha yang dilakukan supaya melonjakkan lagi pencapaian universiti dari segi budaya kerja, tadbir urus terbaik, perkhidmatan berkualiti dan juga penyampaian pendidikan tinggi secara lebih telus, berkesan dan efisien.



**Ekspo Selangkah ke UiTM** telah berlangsung dengan jayanya pada 30 dan 31 Mac bertempat di Dewan Agong Tuanku Canseleri (DATC) Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Ekspo Selangkah ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar lepasan SPM untuk mendapatkan maklumat secara terus mengenai program-program akademik di UiTM dan panduan memohon ke universiti secara am. Ekspo Selangkah ini, telah berjaya dianjurkan dengan kerjasama beberapa pihak pengajur yang terlibat antaranya ialah Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat dengan kerjasama Bahagian hal Ehwal Akademik (HEA), Bahagian Pengambilan Pelajar, Pejabat Pengurusan Fasiliti dan Infotech.

# Eksspo Selangkah ke UiTM

2019

Program ini dianjurkan kali ke-11 dan sebanyak 25 fakulti telah terlibat dalam menjayakan ekspo ini. Fakulti-fakulti ini membuka booth masing-masing bagi membantu menyampaikan maklumat berkaitan dengan jurusan-jurusan yang ditawarkan oleh pihak UiTM dan peluang pekerjaan setelah menamatkan pengajian. Selain di UiTM Shah Alam, kesemua 13 UiTM cawangan telah mengadakan Ekspo Selangkah ke UiTM di tempat masing-masing. Rata-ratanya mendapat sambutan yang baik dari pengunjung. Jumlah keseluruhan pengunjung yang hadir ke Ekspo Selangkah ke UiTM bagi semua cawangan di Malaysia iaitu seramai 54,598 orang dan untuk UiTM Shah Alam sahaja seramai 12,700 orang yang hadir ke Ekspo Selangkah.



Majlis Perasmian dan Penutupan Ekspo Selangkah dirasmikan oleh Naib Canselor, Profesor Ir. Dr. Mohd Azraai Kasim pada 31 Mac 2019. Beliau berkata “kehadiran pengunjung yang begitu ramai membuktikan UiTM sentiasa menjadi pilihan ibu bapa serta anak-anak dalam meneruskan pendidikan di peringkat pengajian tinggi”. Beliau berharap agar para pengunjung dan anak-anak yang bakal melanjutkan pelajaran akan memilih UiTM sebagai destinasi pendidikan.



# Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) dan ESHIA & ASSOCIATES

Majlis menandatangani memorandum perjanjian antara UiTM dan ESHIA & ASSOCIATES telah berlangsung pada 6 MAC 2019. Semasa majlis tersebut diadakan, Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim telah memberikan sedikit ucapan pertamanya setelah mengambil alih tugas sebagai Naib Canselor UiTM Shah Alam.

Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa sangat penting untuk memastikan bakal graduan UiTM mempunyai kemahiran dan keyakinan untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam Bahasa Inggeris. Hal ini kerana, bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar universiti dan ramai orang akan



Encik Sham Amir, Datuk Amir Junus, and Encik Ezani Amir, YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Prof Dr Mohd Nazip Suratman and Prof Normah Omar

menjangkakan bahawa graduan UiTM ini amat cekap dalam berbahasa Inggeris.

Beliau percaya bahawa taksiran TOEFL dikenali disebabkan oleh kesahihan ujian kandungan dan pentadbiran. TOEFL telah membantu berjuta-juta pelajar berjaya memasuki ke dalam institut-institut yang berbahasa Inggeris di seluruh dunia.

“Untuk tujuan ini, saya berpuas hati bahawa melalui MOA ini dengan ESHIA & Associates, pelajar kita di UiTM kini akan mempunyai peluang menduduki peperiksaan TOEFL di sini

dalam kampus kami. UiTM telah menyaksikan peningkatan yang mantap dalam bilangan pelajar antarabangsa sejak bertahun-tahun. Ini sememangnya benar di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI) yang terus menarik pelajar pasca siswazah antarabangsa, terutamanya dari negara jiran Indonesia”.

Beliau juga berharap agar ARI dan ESHIA Associates berjaya dalam setiap kerjasama tersebut.



# MoU antara UiTM & **NOTTINGHAM TRENT UNIVERSITI (NTU)**



Pada 29 Mac 2019 (Jumaat) telah berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Nottingham Trent Universiti (NTU). Majlis tersebut telah dihadiri oleh Naib Canselor UiTM, YBhg Prof Ir Dr Mohd Azraai Kassim dan juga tetamu kohormat dari NTU.

Objektif MoU ini pada asasnya adalah untuk mengukuhkan, mempromosikan dan membangunkan akademik, budaya dan penyelidikan antara kedua-dua universiti berdasarkan kesaksamaan dan kepentingan bersama. Dengan memasuki MoU ini, kedua-dua universiti mengisyiharkan niat masing-masing untuk persahabatan dan kerjasama, promosi pemahaman bersama, akademik, budaya dan sains dan pertukaran kakitangan.

Antara bidang kerjasama termasuk pertukaran institusi antara fakulti dan staf, pertukaran institusi pelajar, organisasi simposium, persidangan dan kursus pendek, menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan bersama dan kerjasama dalam bidang lain seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua universiti dari semasa ke semasa.

Kedua-dua universiti sangat berharap kerjasama ini menjadi landasan untuk meneroka idea-idea baru dan memupuk kecemerlangan dan penyelidikan akademik terdepan.

# Majlis Anugerah Sukan UiTM 2018


**6 Mac 2019**, bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam telah berlangsungnya Majlis Anugerah Sukan UiTM 2018. Majlis telah dirasmikan oleh Professor Ir. Dr Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM dan turut dihadiri seramai 500 orang atlet dan pegawai pada majlis tersebut.

Anugerah tahunan ini adalah untuk memberi pengiktirafan terhadap sumbangan dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh para atlet dan pegawai yang telah mengharumkan nama UiTM dalam arena sukan, sama ada di peringkat Universiti, Kebangsaan, mahupun Antarabangsa. Di samping itu, ia juga menggalakkan penglibatan aktif pelajar di dalam bidang sukan.

Pada majlis tersebut saudara Khairulnizam Mohd Afandy (Perahu Layar) telah dinobat sebagai olahragawan, manakala saudari Nurul Alyani Jamil (Boling Padang) merangkul anugerah olahragawati bagi tahun 2018. Sebanyak 15 kategori anugerah telah diberikan kepada atlet dan pegawai yang telah memperkenan kecemerlangan dalam bidang sukan masing-masing sepanjang tahun lalu.

Pihakjawatankuasa pemilihan yang dipengerusikan oleh Dr. Razali Mohamed Salleh Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM telah menerima sebanyak 222 pencalonan dari berbagai kategori yang dipertandingkan. Anugerah-anugerah yang dipertandingkan adalah seperti Anugerah Hall of Fame, Anugerah Emas Universiti, Anugerah Perak Universiti, Anugerah Gangsa Universiti, Anugerah Khas Universiti, Anugerah Sijil Penghargaan, Pasukan Cemerlang, Pengurus Cemerlang, Jurulatih Cemerlang, Tokoh Sukan UiTM dan Tokoh Sukan Alumni serta penghargaan khas staf.





# SIDANG REDAKSI

**Penaung**

Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

**Penasihat**

Alfina Bakar

**Ketua Editor**

Mohammad Syazwan Mohd

**Editor**

Aida Ahmad Saipiuddin  
Nurul Afnieza Md Zain

**Pereka Grafik**

Junaidy Talib

**Penulis Berita**

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)  
Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

**Jurufoto**

Roslan Daud  
Shamsul Hidayat Omar  
Shazana Shabuddin  
Shahida Nordin

**Edaran**

Asura Rahman



UiTM *di hatiku*

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat  
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor



UiTM *di hatiku*

YouTube



www.uitm.edu.my



UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasm

Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat